

16/02/2003

Usah risau dengan persaraan PM: Syed Hamid

SHAH ALAM: Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, menasihatkan rakyat negara ini agar tidak terlalu risau dengan keputusan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk melepaskan semua jawatannya menjelang Oktober depan.

Beliau berkata, walaupun keputusan Dr Mahathir itu sukar diterima, rakyat harus menghormati tindakan itu selain memberi peluang kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk meneruskan perjuangan memajukan rakyat dan negara ini.

Katanya, keputusan Dr Mahathir 'meninggalkan' rakyat dan negara ini tidak akan menjejaskan pembangunan rakyat dan negara kerana beliau sudah membina asas yang cukup kuat untuk diteruskan.

"Tambahan pula, Datuk Seri Abdullah bukan orang baru dalam politik, baik di dalam mahu pun luar negara. Beliau berpengalaman selama lapan tahun sebagai Menteri Luar. Oleh itu, beliau mempunyai cukup pendedahan dan pengalaman malah memahami pemikiran Dr Mahathir.

"Oleh itu, saya optimis, pengunduran Dr Mahathir dari arena politik negara dan antarabangsa tidak akan menjejaskan apa-apa," katanya menjawab

soalan peserta Forum Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) di Kolej Universiti Teknologi dan Pengurusan Malaysia (KUTPM), di sini, semalam.

Syed Hamid berkata, keputusan Dr Mahathir itu bukan saja membimbangkan rakyat negara ini malah pemimpin serta rakyat negara membangun lain.

Ini kerana, katanya, Dr Mahathir bukan saja pemimpin Malaysia malah dianggap negarawan antarabangsa, terutama di kalangan negara membangun berikutan kepimpinannya yang konsisten, berprinsip dan berani.

Syed Hamid berkata, beliau yakin Dr Mahathir akan terus memainkan peranan seperti yang dilakukan oleh Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

"Dr Mahathir akan terus menegur dan memberi nasihat baik dalam perkembangan di dalam mahu pun di luar negara," katanya.

Sementara itu, berucap pada majlis pelancaran Tabung Kemanusiaan Palestin di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) di Parit

Raya, Batu Pahat, malam kelmarin., Syed Hamid berkata, rakyat perlu sedar

serta tidak menganggap keadaan aman dan damai yang wujud dalam negara kini, sesuatu yang biasa atau diperoleh dengan mudah.

Katanya, keadaan itu tidak datang bergolek dan tidak dapat dinikmati tanpa melakukan usaha bersungguh-sungguh.

Justeru, katanya, rakyat perlu menggembleng tenaga serta melaksanakan beberapa langkah memastikan kestabilan politik serta ekonomi dapat dikekalkan.

"Keadaan aman dan damai dinikmati kini membolehkan kita memanfaatkan serta

menggunakan sumber alam yang ada untuk pelbagai tujuan pembangunan dan kemajuan negara.

"Justeru, adalah penting bagi kita semua untuk berasa insaf dan sedar serta berupaya mewujudkan suasana yang membolehkan rakyat membuat pelbagai pilihan," katanya.

Katanya, rakyat perlu sedar bahawa dalam era berkenaan, mereka tidak terkecuali daripada menerima limpahan kesan positif dan negatif di sesebuah negara lain.